

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JKP 417 - Politik Asia Tenggara**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab TIGA soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

Jawab TIGA soalan:

1. Apakah fokus dan isu-isu besar dalam Politik Asia Tenggara selaku satu rantau peningkatan kapitalis dalam hubungan kapitalis *centre*/pusat dan kapitalis *periphery*/pinggiran yang dikaji?  
(100 markah)
  
2. Sepuluh buah negara Asia Tenggara dipecahkan kepada tiga kategori. Kupaskan dengan contoh-contoh kukuh:
  - (a) Beberapa kriteria yang digunakan dalam penentuan tiga kategori tersebut.
  - (b) Dari sudut tiga dimensi transformasi politik (elit/jabatan/sokongan korporat) nyatakan dimensi yang menjanjikan peluang kerjasama serantau yang lebih utuh.  
(100 markah)
  
3. Pilih satu isu transformasi politik Asia Tenggara dan kupaskan perkembangannya sama ada dalam satu kategori atau perbandingan antara dua kategori.  
(100 markah)
  
4. “Pembesaran kelas menengah dan penurunan pengaruh tentera dalam politik menjanjikan ruang demokrasi yang lebih luas untuk warga Asia Tenggara.”  
Kupaskan pernyataan di atas dalam kes transformasi politik Myanmar.  
(100 markah)
  
5. Pada tahun 1985, kadar inflasi di Vietnam mencecah 700%. Keadaan ini memaksa Parti Komunis Vietnam (PKV) untuk memperkenalkan *Doi Moi*. Bincangkan maksud *Doi Moi*, golongan yang menentanginya dan impak *Doi Moi* terhadap kondisi ekonomi Vietnam sekarang.  
(100 markah)